



GARIS PANDUAN HIBURAN DALAM ISLAM

Edisi Kedua

(Telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
Kali Ke-107 pada 10-11 Februari 2015)

KANDUNGAN

TUJUAN	3
LATAR BELAKANG	3
OBJEKTIF	4
TAFSIRAN	5
GARIS PANDUAN	7
(1) Artis	8
(a) Keperibadian	8
(b) Penampilan.....	8
(2) Persembahan	8
(a) Seni Pentas	8
(b) Nyanyian	9
(c) Tarian	9
(3) Lagu	10
(a) Lirik.....	10
(b) Peralatan Muzik	10
(c) Unsur Muzik	11
(4) Penganjuran Program Hiburan.....	11
(5) Klip Video.....	12
PEMAKAIAN GARIS PANDUAN	12
PENUTUP	13
RUJUKAN	14

TUJUAN

Garis Panduan Hiburan Dalam Islam ini disediakan untuk memberi panduan kepada pihak berkuasa, penganjur, penerbit dan pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan. Garis panduan ini juga dijadikan rujukan dan panduan kepada masyarakat awam.

LATAR BELAKANG

2. Sebaik-baik perkara yang mendamaikan jiwa adalah dengan mengingat Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan dzikrullah. Ketahuilah! Dengan dzikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia”.
Surah al-Ra’d, 13: 28

3. Oleh itu umat Islam hendaklah memperbanyakkan mengingat Allah SWT supaya hatinya tenteram dan bahagia. Walau bagaimanapun, Islam mengharuskan hiburan kerana ia menjadi sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia. Dalam konteks ini, Islam tidak melarang seseorang itu untuk berhibur. Keharusan dalam berhibur ini didasari dengan pelbagai hadis Rasulullah SAW. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Saidatina Aisyah RA yang bermaksud:

“Sesungguhnya Abu Bakar masuk kepadaku, sedang di sampingku ada dua gadis hamba daripada orang Ansar sedang menyanyi dengan nyanyian yang dinyanyikan oleh orang Ansar pada hari peperangan Bu’ath. Aku berkata, kedua-dua orang ini bukanlah penyanyi. Abu Bakar berkata, adakah di rumah Nabi ini terdapat serunai syaitan? Sedangkan pada hari ini adalah hari raya Aidilfitri. Rasulullah bersabda, “Wahai Abu Bakar, sesungguhnya setiap kamu ada hari rayanya dan ini adalah hari raya kita”.

4. Saidina Ali bin Abi Talib RA juga pernah menyatakan bahawa, “Hiburkanlah hati dan carilah untuknya hikmah-hikmah yang menarik kerana hati juga berasa bosan seperti badan yang keletihan”. Hiburan merupakan salah satu wadah yang boleh menenangkan fikiran, mendamaikan jiwa dan merehatkan rohani. Namun begitu, hiburan tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan syarak.

5. Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa antara hiburan yang dapat menghibur jiwa, menenangkan hati serta menyedapkan telinga adalah nyanyian. Namun begitu, pada masa kini konsep hiburan semakin meluas dan bercampur aduk dengan perkara yang

melalaikan serta perkara yang diharamkan. Oleh yang demikian, panduan dalam berhibur amat diperlukan agar umat Islam tidak tersasar daripada landasan syarak.

6. Justeru, Garis Panduan Hiburan Dalam Islam telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 2007 yang lalu. Dengan mengambil kira perubahan semasa dalam industri hiburan, penambahbaikan terhadap garis panduan ini telah dilaksanakan agar ia dapat menepati keperluan semasa yang sejajar dengan kehendak syarak.

7. Teras dalam penggubalan garis panduan ini didasari oleh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke-2 pada 12 dan 13 Mei 1981 seperti yang berikut:

- (a) Nyanyian yang senikatanya baik, tidak lucu, tidak biadap dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus;
- (b) Jika nyanyian senikatanya tidak baik, lucu, biadap, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dengan perempuan dan membawa kepada fitnah maka nyanyian itu adalah haram;
- (c) Pancaragam yang melalaikan hukumnya haram;
- (d) Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat senikatanya baik, tidak lucu, tidak biadap, tidak bercampur lelaki dengan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah; dan
- (e) Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah harus.

OBJEKTIF

8. Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- (a) Memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan untuk berkarya tanpa melepasi batasan syarak;
- (b) Membantu para penganjur dan pihak penerbit dalam menyusun atur program yang mengandungi aspek hiburan sejajar dengan didikan Islam dengan mengambil kira keperluan masyarakat, bangsa, agama dan negara;

- (c) Membantu pihak berkuasa untuk memastikan penganjuran program hiburan dalam bentuk tontonan terpinpin kepada masyarakat secara umumnya berteraskan akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak; dan
- (d) Memupuk kefahaman di kalangan masyarakat awam mengenai bentuk hiburan yang dianjurkan dalam Islam.

TAFSIRAN

9. Bagi maksud garis panduan ini:

- (a) **“Artis”** ialah mereka yang mempamerkan profesion mereka untuk tontonan ramai sama ada penampilannya atau hasil karyanya termasuklah pelakon, pemuzik, penyanyi, pelawak, penari, penggubah lagu, penulis lirik, penyajak, penyair, penulis skrip dan pengacara.
- (b) **“Fitnah”** ialah suatu bentuk gangguan, hasutan dan kekacauan apabila mendatangkan perasaan syak di kalangan masyarakat sekeliling bahawa berlaku sesuatu yang tidak beretika.
- (c) **“Hiburan”** ialah satu persembahan dengan gerak laku perbuatan atau olah tubuh, tutur kata atau mimik atau menggunakan benda-benda dan objek tertentu dan sebagainya bertujuan untuk menyenangkan, mententeramkan dan menyukakan hati serta mendorong ke arah kebaikan.
- (d) **“Iqtibas”** ialah memetik sebahagian daripada al-Quran atau hadis, lalu disertakan dalam satu prosa atau syair.
- (e) **“Kalimah-kalimah suci dalam Islam”** merujuk kepada kalimah yang dikhususkan maksudnya kepada ajaran Islam. Antaranya ialah kalimah Allah, firman Allah, Rasul, hadith, kiblat, kaabah, qadhi, mufti, haji, solat, dakwah, fatwa, ibadah dan khalifah.
- (f) **“Klip video”** ialah visual pendek sama ada berbentuk muzik, nyanyian, iklan, kempen, promosi, penerangan, pengumuman dan hiburan awam, treler atau montaj untuk tujuan tertentu pembikinannya yang dipaparkan menggunakan

imej sebenar atau animasi atau simbol-simbol atau gabungan antaranya dengan mengeksploitasi unsur-unsur imej, bunyi, cahaya, warna, gerak dan bentuk.

- (g) **“Lirik”** ialah susunan kata-kata atau perkataan yang juga disebut sebagai seni kata lagu yang mempunyai maksud untuk dinyanyikan.
- (h) **“Maksiat”** ialah sesuatu yang dilarang dan haram dilakukan di sisi syarak.
- (i) **“Melalaikan”** ialah suatu perkara, perkataan atau perbuatan yang melekakan daripada menunaikan tanggungjawab; atau sesuatu perkara yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat.
- (j) **“Menutup aurat”** ialah menutup anggota tubuh yang tidak boleh didedahkan kepada orang ramai berdasarkan tuntutan syarak. Aurat bagi lelaki ialah antara pusat dan lutut. Manakala aurat bagi perempuan ialah seluruh anggota tubuh melainkan muka dan dua tapak tangan. Pakaian tersebut juga hendaklah tidak ketat dan tidak jarang.
- (k) **“Muzik”** ialah gubahan nada-nada bunyi yang harmoni untuk melahirkan bentuk bunyi dan irama yang indah dan menyenangkan.
- (l) **“Nyanyian”** ialah susunan kata-kata yang bernada dan dialunkan secara berlagu menggunakan suara.
- (m) **“Penganjur”** ialah pihak yang menganjurkan program hiburan sama ada orang perseorangan atau berkumpulan, di kalangan organisasi kerajaan, swasta atau badan-badann bukan kerajaan.
- (n) **“Penerbit”** ialah individu, kumpulan atau badan yang bertanggungjawab mengurus atau mentadbir sesuatu penerbitan untuk siaran di radio, televisyen, dan pawagam atau sebagai bahan edaran atau bahan yang dimuat naik di media baru untuk tontonan khalayak sama ada bermotifkan komersial atau tidak.

- (o) **“Pihak berkuasa”** ialah organisasi kerajaan yang mempunyai bidang kuasa yang berkaitan.
- (p) **“Pihak yang terlibat dalam aktiviti dan industri hiburan”** ialah individu atau kumpulan yang ditafsirkan sebagai artis, pengarah program hiburan atau individu atau kumpulan yang menyumbang kepada kandungan program hiburan.
- (q) **“Sakral”** ialah sesuatu yang berkaitan dengan atau untuk upacara suci.
- (r) **“Seni pentas”** ialah pelbagai bentuk persembahan untuk ditonton termasuklah lawak jenaka, sketsa, pentomin dan pengacaraan.
- (s) **“Tarian”** ialah gerakan anggota badan dan olah tubuh, kepala, tangan dan kaki secara berirama dan tersusun mengikut tingkah atau mengikut rentak muzik.
- (t) **“Tempat yang bersesuaian”** ialah ruang atau kawasan sama ada di dalam bangunan atau di luar bangunan selain daripada dewan solat dalam masjid dan surau serta kawasan serambi masjid.
- (u) **“Uruf”** ialah adat dan budaya masyarakat setempat yang tidak bertentangan dengan syarak.

GARIS PANDUAN

10. Garis yang memisahkan sama ada hiburan itu dibolehkan atau sebaliknya menurut Islam adalah sejauh mana hiburan tersebut mencapai maksud dan prinsip Islam yang menekankan ke arah kesejahteraan umat manusia serta menolak sebarang kerosakan. Unsur yang mempromosikan pemikiran atau kefahaman ajaran selain daripada Islam hendaklah dielakkan dalam program hiburan menurut perspektif Islam.

(1) **Artis**

(a) **Keperibadian**

- i. Peribadi yang mulia dan akhlak yang baik hendaklah sentiasa dikekalkan walaupun berada di luar persembahan sesuai dengan mesej yang dibawa; dan
- ii. Tidak pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah sama ada di bawah undang-undang syariah atau sivil.

(b) **Penampilan**

- i. Penampilan yang sopan dan beradab hendaklah sentiasa dikekalkan walaupun berada di luar persembahan;
- ii. Berpakaian menutup aurat, kemas dan sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam;
- iii. Adab berpakaian, tatarias dan dandanan rambut yang tidak menyerupai jantina yang berlainan; dan
- iv. Hiasan dan dandanan hendaklah pada kadar yang bersesuaian dan sederhana sesuai dengan uruf masyarakat.

(2) **Persembahan**

(a) **Seni Pentas**

- i. Ucapan, gerak laku dan sebagainya yang tidak mengandungi simbol-simbol yang dapat ditafsirkan secara tersurat atau tersirat yang bertentangan dengan akidah, syariah dan nilai-nilai Islam;
- ii. Sensitiviti mana-mana agama, budaya dan bangsa hendaklah sentiasa dipelihara;
- iii. Dalam keadaan yang bersesuaian untuk mengelakkan rasa tidak disenangi oleh orang yang mendengar dan menonton;
- iv. Plot penceritaan yang bukan realiti dan berasaskan khayalan adalah dibenarkan untuk menyampaikan sesuatu mesej yang baik;
- v. Lawak jenaka hendaklah berpada-pada dan tidak melampaui batas iaitu sehingga membawa kepada ketawa yang melampau;
- vi. Lawak jenaka tidak boleh dilakukan pada perkara yang serius dan pada perkara yang perlu ditangani;

- vii. Tidak mengandung unsur pendustaan pada sesuatu fakta, kata-kata kesat, lucah atau fitnah;
- viii. Tidak mengandung unsur yang menimbulkan penghinaan terhadap mana-mana individu atau organisasi;
- ix. Tidak mengandung unsur keganasan;
- x. Tidak menimbulkan trauma atau gangguan emosi; dan
- xi. Tidak melakonkan watak menyerupai jantina yang berlainan.

(b) Nyanyian

- i. Gerak laku, nyanyian, ucapan dan sebagainya yang tidak mengandung simbol-simbol yang dapat ditafsirkan secara tersurat atau tersirat yang bertentangan dengan ajaran dan nilai-nilai Islam;
- ii. Berinteraksi dengan penonton secara sopan sama ada melalui perkataan atau perbuatan;
- iii. Keadaan fizikal, mental dan emosi penyanyi berada pada tahap yang baik;
- iv. Persembahan diadakan dalam keadaan yang terkawal; dan
- v. Tingkah laku tidak liar serta melampaui batas.

(c) Tarian

- i. Gerak tari tidak mengandung simbol-simbol yang dapat ditafsirkan sama ada secara tersurat atau tersirat yang bertentangan dengan akidah, syariah dan nilai-nilai Islam;
- ii. Unsur pemujaan atau penyembahan secara langsung atau tidak langsung kepada sesuatu makhluk atau peribadi lain hendaklah dielakkan;
- iii. Selari dengan kehendak syarak dan uruf masyarakat setempat;
- iv. Penampilan diri tidak terdedah kepada eksploitasi penonton dan bercanggah dengan kehendak Islam;
- v. Gerak tari yang tidak menimbulkan fitnah atau memberahikan walaupun dipersembahkan oleh pasangan yang sah atau bersama mahram;
- vi. Tidak bercampur antara lelaki dan perempuan dalam satu persembahan yang boleh menimbulkan fitnah; dan
- vii. Tidak mengandung unsur yang menimbulkan penghinaan terhadap agama dan budaya masyarakat tertentu.

(3) **Lagu**

(a) **Lirik**

- i. Mengandungi kebaikan dan nilai-nilai murni;
- ii. Memberi kesedaran dan membawa kepada keinsafan;
- iii. Selari dengan adab kesopanan;
- iv. Sensitiviti mana-mana agama, bangsa dan negara hendaklah sentiasa dipelihara;
- v. Boleh menggunakan terjemahan al-Quran dan hadith dengan menjaga adab yang selaras dengan syarak;
- vi. Ayat-ayat al-Quran tidak boleh dijadikan lirik lagu melainkan dengan kaedah *iqtibas*;
- vii. Nasyid berbentuk doa adalah diharuskan;
- viii. Tidak digalakkan menggunakan matan hadith kerana bimbang berlaku kesalahan pada sebutan yang boleh membawa perubahan pada makna;
- ix. Tidak mengandungi kalimah syahadah yang tidak sempurna;
- x. Tidak mengandungi ungkapan yang memanipulasi terjemahan al-Quran dan hadith untuk tujuan yang salah;
- xi. Tidak mengandungi ungkapan yang memanipulasi kalimah-kalimah suci dalam Islam untuk tujuan yang salah;
- xii. Tidak mengandungi ungkapan mengutuk nasib dan mempersoalkan ketentuan Allah;
- xiii. Tidak mengandungi pemujaan kepada makhluk dan peribadi lain;
- xiv. Tidak mengandungi unsur lucah, membangkitkan nafsu atau lambang kata yang ditafsirkan lucah;
- xv. Tidak mengandungi unsur maksiat atau membawa kepada pelakuan yang diharamkan; dan
- xvi. Tidak mengandungi unsur penghinaan, aib, cacian, fitnah dan merendahkan seseorang.

(b) **Peralatan Muzik**

- i. Harus menggunakan peralatan muzik yang diharuskan oleh syarak dalam majlis-majlis perkahwinan atau keraian tertentu.
- ii. Tidak boleh digunakan untuk mengiringi bacaan al-Quran;

- iii. Tidak boleh digunakan untuk mengiringi apa-apa program yang diadakan di dalam dewan solat masjid dan surau serta di kawasan serambi masjid.

(c) Unsur Muzik

- i. Mendorong kepada suasana positif;
- ii. Menyuntik ketenangan;
- iii. Membangkitkan semangat yang baik;
- iv. Tidak melambangkan pemujaan atau yang dianggap sakral oleh penganut agama lain;
- v. Tidak mendorong kepada kekacauan dan ketidakseimbangan pemikiran sehingga boleh melalaikan diri daripada mengingati Allah;
- vi. Tidak membangkitkan emosi negatif yang bercanggah dengan ajaran Islam;
- vii. Tidak mengganggu ketenteraman masyarakat awam; dan
- viii. Tidak membawa kepada perbuatan maksiat.

(4) Penganjuran Program Hiburan

- (a) Program hiburan yang dianjurkan hendaklah mengambil kira aspek-aspek berikut:
 - i. Manfaat dan kesejahteraan kepada masyarakat;
 - ii. Tempat yang bersesuaian;
 - iii. Masa dan hari yang bersesuaian yang tidak menyentuh sensitiviti ajaran Islam dan masyarakat; dan
 - iv. Mendapat kelulusan pihak berkuasa sebelum sesuatu program dianjurkan.
- (b) Program yang dianjurkan tidak mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Unsur-unsur ritual, tanda atau simbol yang bertentangan dengan ajaran Islam secara langsung atau tidak langsung;
 - ii. Perbuatan yang diharamkan dalam Islam atau maksiat serta perkara yang boleh mendorong kepada keadaan-keadaan tersebut;
 - iii. Keadaan yang membawa kepada kekacauan atau gangguan terhadap ketenteraman awam;
 - iv. Acara yang bersifat provokasi yang boleh menimbulkan sikap prejudis atau permusuhan;

- v. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan semasa mengadakan latihan atau raptai;
- vi. Percampuran antara lelaki dan perempuan di kalangan penonton; dan
- vii. Pembaziran dalam penganjuran program.

(5) Klip Video

- (a) Rakaman klip video hendaklah mengambil kira aspek-aspek berikut:
 - i. Rakaman visual diadakan dengan tujuan yang baik;
 - ii. Selari dengan garis panduan yang terkandung dalam perkara (1) Artis, (2) Persembahan, (3) Lagu dan (4) Penganjuran Program Hiburan mengikut ‘tatabahasa visual’;
 - iii. Paparan visual mengandungi nilai-nilai yang baik dan membina minda serta akhlak yang mulia; dan
 - iv. Paparan visual adalah sopan, teratur dan diterima mengikut ‘tatabahasa visual’.
- (b) Klip video juga hendaklah tidak mengandungi aspek-aspek berikut:
 - i. Unsur-unsur penghinaan terhadap individu dan kepercayaan masyarakat tertentu, agama, bangsa dan negara;
 - ii. Paparan syot (foto atau gambar) yang tidak sopan dan syot-syot yang melanggar nilai dan etika Islam;
 - iii. Gangguan kepada kesihatan emosi, mental dan pancaindera tertentu;
 - iv. Simbol visual yang secara tersurat atau tersirat yang bertentangan dengan akidah, syariah dan nilai etika Islam; dan
 - v. Paparan yang negatif sama ada dari segi gerak geri atau bahasa yang boleh merangsang peniruan kepada golongan tertentu.

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

11. Dengan wujudnya Garis Panduan Hiburan Dalam Islam Edisi Kedua 2014, maka ia memansuhkan Garis Panduan Hiburan Dalam Islam yang diterbitkan pada tahun 2007.

12. Garis panduan ini juga hendaklah dibaca bersama dengan:

- (1) Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-Bahan Penyiaran Berunsur Islam;

- (2) Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam; dan
- (3) Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah wal Jamaah.

PENUTUP

13. Garis panduan ini diharapkan dapat memberipanduan kepada pihak yang terlibat dalam industri hiburan agar setiap usaha yang dijalankan sentiasa dalam lingkungan syarak. Diharapkan juga agar setiap acara hiburan dirujuk kepada pihak berkuasa supaya ia sentiasa dipimpin dan termasuk dalam golongan penyair (atau penghibur) yang beriman dan beramal soleh.

RUJUKAN

- Abdullah bin Mohamad Basmeih. 2013. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. cet. 21. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Attiyah Saqar. t.th. *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. jil. 1. Kaherah: Dar al-Ghad al-`Arabi.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam. 1988. Pahang.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam. 1988. Perak.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam. 1991. Johor.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam. 1988. Kedah.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. 1988. Melaka.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama-agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam). 1991. Negeri Sembilan.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama yang Bertentangan dengan Agama Islam (Sunnah Waljama`ah). 2002. Perlis.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Ugama Bukan Islam. 1980. Terengganu.
- Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Ugama Bukan Islam. 1981. Kelantan.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang). 2004. Pulau Pinang.
- Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam). 1988. Selangor.
- Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam [01/2001]
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2002. *Ihya' `Ulum al-Din*. Muhammad Khair To`mah Halabi (pnyt.) cet. 1. jil. 3 Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 2003. *Al-Bada'i` fi `Ulum al-Quran*. Yusri al-Sayyid Muhammad (pnyt.). ed. 1. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Garis Panduan Muzik, Nyanyian dan Seni Menurut Pandangan Islam*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008. *Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-Unsur yang Bercanggah dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah wal Jamaah*. cet. 2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-Bahan Penyiaran Berunsur Islam*. cet. 1. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2002. *Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam*. cet. 2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. cet. 3. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kementerian Dalam Negeri. 2010. *Garis Panduan Penapisan Filem*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali bin Thabit. 1996. *Al-Jami` li al-Akhlak al-Rawi wa Adab al-Sami`*. Muhammad `Ajjaj al-Khatib (pnyt.). jil. 2. cet. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. t.th. *Fiqh al-Ghina' wa al-Musiqa fi Dau' al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. cet. 5. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2014. *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*. Fauwaz Fadzil dan Mohd Ikhwan Abdullah (terj.). cet. 1. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Radio Televisyen Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia. 2003. *Kod Etika Penyiaran*. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. http://www.rtm.gov.my/rtmv2/index.php?option=com_content&view=article&id=246:kod-etika-penyiaran&catid=56:garis-panduan&Itemid=286&lang=bm. Januari 2003.
- Saleh bin Abd al-Aziz. 2000. *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. cet. 3. Arab Saudi: Dar al-Salam.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2012. *The Malaysian Communications and Multimedia Content Code*. Versi 6. <http://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/files/attachments/ContentCode.pdf>. 14 Mei 2012.
- Al-Suyuti, Jalaluddin. 2003. *Al-Dur al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*, Abdullah bin Abdul Hasan Al-Turki (pnyt.). jil. 11. Kaherah: Markaz li al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyah al-Islamiyyah.
- TohaYahya Omar. 2002. *Haramkah Muzik, Menyanyi dan Menari*, Abdul Rahman Rukaini (pnyt.). Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Wizarah al- Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. 1995. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizarah al- Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa Al-Manhaj*. jil. 21 – 22. cet. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.

Sebarang pertanyaan dan maklumbalas mengenai Garis Panduan Hiburan Dalam Islam boleh diajukan kepada alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok D7, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 Putrajaya

No. Telefon : 03-88864000

No. Faksimili : 03-88892033